

# SEJARAH SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI KUALA LUMPUR (History of Islamic Education System in Kuala Lumpur)

Oleh:  
Mohd Nizam Sahad\*  
Che Zarrina binti Sa'ari\*\*

## Abstrak

*Artikel ini berdasarkan kajian yang bersifat kualitatif deskriptif yang menggunakan metode dokumentasi, wawancara serta observasi. Ia memulakan perbincangan dengan mengetengahkan sejarah pendidikan Islam di Kuala Lumpur melalui paparan sejarah bandaraya Kuala Lumpur dan kependudukan masyarakat Melayu di situ. Kemudiannya perbincangan ditumpukan kepada sejarah perkembangan awal sistem pendidikan Islam di sini dengan pengkhususan terhadap zaman sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Seterusnya perkembangan pendidikan Islam selepas zaman kemerdekaan di bandaraya ini diperjelaskan dengan penumpuan terhadap peranan yang dimainkan oleh institusi pendidikan formal dan non formal. Hasilnya dapat dilihat bahawa terdapat usaha-usaha berterusan dari masyarakat Melayu dalam menjamin kelangsungan sistem pendidikan Islam di sini. Oleh yang demikian dapat dilihat perkembangan yang positif dalam sistem pendidikan Islam tersebut.*

**Kata kunci:** Pendidikan Islam, Kuala Lumpur, Sejarah Pendidikan, masyarakat Melayu, Tanah Melayu

## Abstract

*This article is based on a qualitative descriptive study using the methods of documentation, interviews and observation. It discusses the history of Islamic education in Kuala Lumpur through the presentation of the history of Kuala Lumpur and its Malay community. Later discussions focus on the history of the early development of Islamic education in this city, while concentrating on the period prior to the independence of Malaya. Further development of Islamic education in the post-independence period in the city is explained with an emphasis on the historical role of institutions of formal and non formal education. The results show that there exist ongoing efforts in the Malay community to ensure the survival of Islamic education system in Kuala Lumpur. These can be seen as positive developments in the Islamic education system of Kuala Lumpur.*

**Keywords:** Islamic Education, Kuala Lumpur, History of Education, Malay community, Tanah Melayu

---

\* Mohd Nizam Sahad, PhD, merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

\*\* Che Zarrina binti Sa'ari, PhD, merupakan Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## **Pendahuluan**

Menceritakan perihal sejarah Kuala Lumpur, sebenarnya kita tidak dapat lari dari mengabungjalinkan juga sejarah negeri Selangor bersama-samanya. Ini kerana, Kuala Lumpur sebelum tahun 1974 adalah sebahagian daripada negeri Selangor. Hanya pada 1 Februari 1974, Kuala Lumpur telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan dan memegang status sebagai ibu kota Malaysia melalui Perjanjian Kuala Lumpur 1974.<sup>1</sup> Kuala Lumpur merupakan ibu kota Malaysia yang berasal daripada sebuah pusat perniagaan yang kecil di muara Sungai Kelang dan Sungai Gombak. Dalam tempoh 125 tahun sahaja, Kuala Lumpur telah membangun menjadi sebuah bandaraya yang besar dengan jumlah penduduk yang ramai.<sup>2</sup> Pada masa kini jumlah penduduknya melebihi sejuta orang iaitu seramai 1,379,310 orang dengan bilangan penduduk berbangsa Melayu seramai 549,523 orang.<sup>3</sup>

Sejarah sistem pendidikan Islam di Kuala Lumpur bermula agak lewat jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Perkara ini tidaklah menghairankan kerana kewujudan penempatan di Kuala Lumpur itu sendiri bermula pada pertengahan abad ke 19M., apabila perlombongan bijih timah diusahakan di Ulu Klang. Sebelum menyoroti sistem pendidikan Islam, perlu juga diketahui latar belakang penempatan orang Melayu di awal sejarah Kuala Lumpur hinggalah sekarang. Buku-buku sejarah mencatatkan bahawa pada tahun 1857, Raja Abdullah telah mengirinkan sekumpulan pelombong berbangsa Cina seramai 87 orang untuk tujuan mengusahakan bijih timah di Kuala Lumpur.<sup>4</sup> Bermula dari era inilah, Kuala Lumpur menjadi tumpuan orang ramai dan seterusnya mengalami kepesatan penduduk yang begitu tinggi sehingga sekarang.

J.M Gullick mencatatkan bahawa pada awal tahun 1860an, Kuala Lumpur mula berkembang cepat menjadi sebuah perkampungan yang besar dengan kehadiran pengusaha dan buruh-buruh Cina mengusahakan perlombongan bijih timah. Pada masa ini, bijih timah menjadi satu komoditi yang mendapat permintaan yang tinggi. Sebagai contoh, negara British telah meningkatkan dua kali ganda import bijih timah dari timur.<sup>5</sup> Majoriti penduduk di Kuala Lumpur pada ketika itu adalah pelombong berbangsa Cina. Namun demikian, terdapat perkampungan Melayu di kaki Bukit Nanas yang kebanyakannya dihuni oleh pedagang Melayu dari Sumatra. Kebanyakan penduduk Kuala Lumpur di awal-awal pertumbuhannya terdiri dari kaum lelaki berbanding perempuan dengan nisbah 10 : 1. Peniaga dan pedagang Melayu berurusan dengan peniaga Cina pada ketika itu. Namun

---

<sup>1</sup> *Perjanjian Kuala Lumpur (1974)*, Koleksi Perjanjian Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur: Bahan ARKIB, P.3/74.

<sup>2</sup> Savumtharaj, G. (1991), *Sumber-sumber mengenai Kuala Lumpur di Arkib Negara Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbitan ARKIB, h. 1

<sup>3</sup> Dato' Shaari bin Abdul Rahman (Ketua Perangkaan dan Pesuruhjaya Banci, Malaysia) (2000), *Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2000 : Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*, Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 68

<sup>4</sup> Gullick, J. M. (1994), *Old Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, h. 2.

<sup>5</sup> Gullick, J. M. (1983), *The Story of Kuala Lumpur (1857-1939)*, Singapura: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd. , h. 11.

demikian, akibat perbezaan bahasa, agama, cara makan dan budaya, mereka tinggal secara berasingan daripada komuniti Cina. Akibat majoriti penduduk Kuala Lumpur berbangsa Cina, orang Melayu ketika itu dikatakan terlibat juga dengan kegemaran orang Cina yang suka berjudi.<sup>6</sup>

Pada zaman Yap Ah Loy menjadi kapitan Cina sekitar tahun 1868 hingga 1880, beliau menguasai hampir keseluruhan tanah di Kuala Lumpur. Masyarakat Melayu pada masa tersebut dipimpin oleh Dato' Dagang Mohamed Tahir yang merupakan seorang ahli perniagaan yang mempunyai banyak ladang tanaman.<sup>7</sup> Pada era tahun 1880an, ketua orang Melayu di Kuala Lumpur ialah Raja Laut. Beliau merupakan kaum kerabat Sultan Selangor. Beliau menjadi ahli Majlis Negeri Selangor dan turut bertindak selaku hakim dan penghulu bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku di kalangan orang Melayu. Kebanyakan orang Melayu pada masa beliau, tinggal di utara Kuala Lumpur, iaitu di sebuah kampung yang dikenali sebagai Kampung Rawa. Orang Melayu pada masa beliau terdiri daripada campuran orang Sumatera dan orang Melayu Pahang.<sup>8</sup> Dalam buku *Sejarah Selangor* dinyatakan bahawa kebanyakan bangsa yang menetap di darat negeri Selangor pada kurun ke 19 ialah bangsa Melayu berketurunan Sumatera iaitu orang Mendahiling, Rawa dan orang Batu Bahara yang telah datang ke negeri Selangor mencari penghidupan mereka dengan jalan berniaga dan mencari bijih timah. Kebanyakan mereka tinggal di daerah-daerah seperti Kuala Lumpur, Ampang, Cheras dan Kajang. Sementara itu di kawasan kuala-kuala sungai pula, kebanyakannya didiami oleh orang Melayu berketurunan Bugis.<sup>9</sup>

Pada akhir-akhir tahun abad ke-19, kebanyakan orang Melayu didapati tinggal di tengah-tengah pusat Kuala Lumpur, iaitu di beret polis yang sekarang ini terletak di Bukit Aman, Kuala Lumpur. Kebanyakan orang Melayu tinggal di penempatan kerajaan yang disediakan untuk polis-polis dan kebanyakan mereka dikatakan berasal dari Melaka.<sup>10</sup> Pada awal abad ke 20 pula, penempatan orang Melayu berpusat pula di Kampung Baru. Pihak British telah menyediakan kawasan seluas 224 ekar tanah kepada orang Melayu sebagai penempatan mereka dengan membenarkan mereka menanam padi dan tanaman-tanaman lain. Selain itu juga, mereka diajar seni kraftangan melalui sistem perantisan dan latihan. Orang Melayu di situ dikawal oleh seorang pegawai British melalui Lembaga Pengurusan yang diketuai oleh seorang Presiden ketika itu yang dijabat oleh Raja Muda iaitu waris kepada Sultan Selangor. Penempatan di sini masih wujud sampai ke hari ini. Sebuah masjid dan sekolah Melayu turut dibina bagi keperluan penduduk di sini. Pada tahun 1924, apabila keperluan perkhidmatan diserahkan kepada Kuala Lumpur Sanitary Board terdapat 544 buah rumah orang Melayu dan populasi penduduknya seramai 2,600 orang. Namun perkembangan pesat Kuala Lumpur, tidak mampu menampung jumlah orang Melayu di Kuala Lumpur dan

---

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 12 – 14.

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 15 & 32.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 49.

<sup>9</sup> Haji Buyong bin Adil (1971), *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xv.

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 83 & 84.

mereka turut berpindah dan menetap di kawasan lain sekitar Kuala Lumpur.<sup>11</sup> Pada masa ini, orang Melayu Kuala Lumpur ramai yang menetap di kawasan Parlimen seperti di Bandar Tun Razak (P.124), Titiwangsa (P.119), Lembah Pantai (P.121), Batu (P.115), Wangsamaju (P.116) dan Setiawangsa (P.118).<sup>12</sup> Walau bagaimanapun hal ini tidaklah memberi gambaran sebenar kerana terdapat juga individu yang mendaftar sebagai pemilih di sesuatu kawasan Parlimen, tetapi menetap di kawasan Parlimen yang lain kerana berpindah, bekerja dan sebagainya.

Dari segi pendidikan Islam pada awal permulaan sejarah Kuala Lumpur tersebut, ia tidak berkembang secara pesat sebagaimana di negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan negeri-negeri di utara Semenanjung seperti Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Bagi negeri-negeri tersebut, mereka telah pun mempunyai suatu sistem pendidikan Islam yang tersusun dan teratur seperti sistem pengajian pondok dan madrasah semenjak seawal kurun ke-19 lagi.<sup>13</sup>

Namun demikian, pendidikan Islam secara tidak formal di Kuala Lumpur tetap berlangsung khususnya melalui sistem pengajian al-Qur'an di rumah para imam dan para ulama. Perlaksanaan pendidikan Islam melalui pengajian dan pengajaran al-Qur'an di rumah guru-guru al-Qur'an ini telah bermula sebelum abad ke-20 lagi. Guru-guru al-Qur'an telah menjadikan rumah mereka sebagai tempat mengajar al-Qur'an. Mereka tidak menerima sebarang elaun dari pemerintah. Ganjaran yang mereka terima jika ada hanyalah sumbangan ikhlas ibu bapa pelajar. Mereka tidak mengharapkan sebarang balasan kecuali keredhaan Allah S.W.T.<sup>14</sup> Pada kebiasaannya seorang kanak-kanak yang mencapai tahap umur 7 hingga 10 tahun dididik untuk mengenali huruf dan mengeja ayat-ayat al-Qur'an dengan menggunakan muqaddam. Bentuk pengajian tradisional sebegini pernah diperkatakan oleh Munshi Abdullah dalam bukunya *Hikayat Abdullah* pada abad ke 19 :

"Sebermula maka adalah pada zaman itu dalam negeri Melaka, maka nenek perempuan sebelah bapaku itu telah menjadi guru besar dalam kampung Pali dan kira-kira 200 anak muridnya daripada lelaki dan perempuan mengaji al-Qur'an, berbagai orang belajar daripadanya, ada yang menulis, ada yang belajar surat bahasa Melayu masing-masing dalam hendaknya."<sup>15</sup>

Kesimpulannya, walaupun Kuala Lumpur wujud agak lewat dari segi perkembangan sejarahnya, namun Kuala Lumpur tidak terpinggir dari arus pendidikan Islam malah Kuala Lumpur juga sebenarnya tidak ketandusan tokoh-

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 87 – 89.

<sup>12</sup> Suruhanjaya Pilihanraya (2004), *Daftar Pemilih Terkini Statistik Kaum*, (Dikemaskini sehingga 31 Disember 2004), Putrajaya: Suruhanjaya Pilihanraya, h.12.

<sup>13</sup> Mohd Salleh Lebar (1988), *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 2 – 4.

<sup>14</sup> Ismail Ab. Rahman (ed.) (1993), *Pendidikan Islam Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 15.

<sup>15</sup> Abdullah Munshi (1963), *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 20.

tokoh agama yang menyumbang ke arah meninggikan syiar Islam dan membantu dalam mendidik jiwa masyarakat Melayu di Kuala Lumpur secara langsung mahupun secara tidak langsung.

### **Sistem Pendidikan Islam Sebelum Kemerdekaan Malaysia (1850-1956)**

Sejarah sistem pendidikan Islam di Kuala Lumpur pada zaman sebelum kemerdekaan Malaysia 1957, boleh dilihat semenjak dari sejarah awal Kuala Lumpur yang bermula sekitar tahun 1850an hingga tahun 1956. Pada peringkat awal penempatan orang Melayu dan Cina di Kuala Lumpur pada tahun 1850an, tidak terdapat sumber sejarah yang menyatakan telah wujud suatu sistem atau institusi pendidikan Islam yang formal di Kuala Lumpur. Malah, daripada catatan sejarah, didapati kepercayaan dan amalan orang Melayu Islam pada ketika itu masih terpengaruh kuat dengan unsur-unsur animisme dan dinamisme.<sup>16</sup>

Sebagai contoh, pada awal kedatangan pelombong Cina pada tahun 1857 untuk meneroka hutan belantara bagi tujuan perlombongan bijih timah mereka telah meminta bantuan pawang dan bomoh Melayu untuk membuka kawasan tersebut, supaya mereka tidak diganggu oleh unsur-unsur jahat seperti jin dan hantu.<sup>17</sup> Begitu juga terdapat catatan yang menyatakan bahawa masyarakat setempat di Kuala Lumpur pernah meminta pertolongan pawang Melayu yang amat mahir dalam menewaskan buaya yang sering membaham manusia di Sungai Lumpur atau Sungai Gombak. Pernah digambarkan dalam sejarah bahawa hal ini amat menakutkan bagi pendatang berbangsa Eropah ke Kuala Lumpur pada ketika itu.<sup>18</sup>

Pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu, terdapat empat aliran persekolahan iaitu Sekolah Vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Sekolah Inggeris. Kewujudan pelbagai aliran persekolahan pada masa itu disebabkan oleh sikap penjajah Inggeris sendiri yang cuba memecahkan perpaduan kaum, ketiadaan dasar pelajaran Kebangsaan dan ketebalan sifat kedaerahan yang dipusakai oleh setiap kaum. Sejarah persekolahan Melayu di Tanah Melayu bermula pada tahun 1821 apabila Pentadbiran Penang Free School membuka cawangannya di Gelugor, Pulau Pinang. Akibat campurtangan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, beberapa buah sekolah Melayu telah dibuka bagi menggantikan sistem pengajian al-Qur'an. Sekolah Melayu pertama dibuka di Negeri-negeri Melayu Bersekutu ialah di Kelang, iaitu pada bulan September 1875.<sup>19</sup>

Sekolah Melayu Vernakular Kuala Lumpur pula ditubuhkan sekitar tahun 1880an. Masyarakat Melayu Kuala Lumpur pada ketika itu keberatan untuk menghantar anak mereka ke Sekolah Melayu Vernakular yang diasaskan oleh pihak British. Mereka lebih gemar anak-anak Melayu dididik secara tradisional dengan

---

<sup>16</sup> Gullick, J. M. (1994), *op. cit.*.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> Peet, George L. (1983), *A Journal in the Federal Capital*, Singapura: Times Books International, h. 68 – 71.

<sup>19</sup> Mohd Salleh Lebar (1988), *op. cit.*, h. 4 & 5.

pendekatan pendidikan dan pembelajaran al-Qur'an di rumah-rumah persendirian atau di rumah-rumah para imam. Dalam erti kata lain, masyarakat Melayu pada masa itu masih menaruh harapan yang penuh kepada pengajian tradisional iaitu pengajian al-Qur'an. Raja Mahmud, kaum kerabat Sultan Selangor sendiri pernah berkata bahawa baginda tidak akan menghantar anaknya sendiri atau anak-anak Melayu ke sekolah kerajaan anjuran British kerana pendidikan agama tidak termasuk dalam isi kandungan pengajaran di sekolah tersebut. Hal ini menarik perhatian pegawai-pegawai Inggeris untuk merubah sistem pendidikan di mana sebelah pagi diajar mata pelajaran akademik seperti bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris, manakala di sebelah petang pula diajar pendidikan al-Qur'an. Satu mesyuarat juga pernah diadakan antara pihak Residen Inggeris dan ketua-ketua masyarakat Melayu Kuala Lumpur yang berminat dengan usaha memperbaiki pendidikan anak-anak Melayu Kuala Lumpur pada tahun 1882. Rentetan dari mesyuarat tersebut juga pendekatan untuk mewajibkan kehadiran anak-anak Melayu ke sekolah cuba dilaksanakan. Namun demikian, statistik purata kehadiran pelajar Melayu ke Sekolah Melayu Kuala Lumpur sekitar tahun 1886 hingga 1888 menunjukkan angka-angka yang tidak memberangsangkan. Pada tahun 1886, hanya 47 orang pelajar hadir. Pada tahun 1887 hanya 36 pelajar dan pada tahun 1888 hanya seramai 41 orang hadir.<sup>20</sup> Secara keseluruhannya, sehingga tahun 1891 terdapat 12 sekolah Melayu di seluruh negeri Selangor dengan bilangan pelajar seramai 543 orang daripada jumlah populasi masyarakat Melayu Selangor seramai 27,000 orang.<sup>21</sup>

Sebaliknya, perkembangan sekolah Inggeris di Kuala Lumpur cukup pesat. Pada tahun 1893, Victoria Institution ditubuhkan. Pada tahun 1897 Methodist Boy's School pula ditubuhkan dan akhirnya St. John's Institution ditubuhkan pada tahun 1905.<sup>22</sup> Ditambah pula dengan sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh mubaligh-mubaligh Kristian seperti La Salle dan sebagainya.

Dari segi pentadbiran pendidikan di Kuala Lumpur pada masa itu ia terletak di bawah kerajaan negeri Selangor. Pada tahun 1897, British telah melantik Nazir Sekolah Persekutuan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Salah satu daripada tugas pertamanya ialah menyusun sebuah Kanun Pelajaran (*Education Code*) bagi semua negeri yang sebelum itu masing-masing mempunyai kanun sendiri bagi sekolah Inggeris dan Melayu.<sup>23</sup> Seterusnya pada tahun 1906, seorang Pengarah Pelajaran dilantik bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dengan berkembangnya sekolah-sekolah Melayu, pada tahun 1916, Penolong Pengarah Pelajaran, R. O Winstedt dilantik bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi membantu Pengarah Pelajaran.<sup>24</sup>

---

<sup>20</sup> Seng, Philip Loh Fook (1969), *The Malay States 1877-1895 Political Change and Social Policy*, Singapura : Oxford University Press, h. 162 – 167.

<sup>21</sup> Gullick, J. M. (1998), *A History of Selangor (1766-1939)*, Petaling Jaya: Falcon Press Sdn. Bhd., h. 192.

<sup>22</sup> Mohd Salleh Lebar (1988), *op. cit.*, h. 14.

<sup>23</sup> *The System of Education in The Federated Malay States* (1905), Special Reports on Education Subjects, h. 6.

<sup>24</sup> Mohd Salleh Lebar (1988), *op. cit.*, h. 6 & 8.

Tahun-tahun awal abad ke 20 menyaksikan usaha pegawai-pegawai Inggeris untuk mempelbagaikan corak pendidikan kepada bangsa Melayu. Pada tahun 1900 misalnya, pentadbiran pendidikan British mula memperkenalkan tulisan rumi kepada bahasa Melayu dengan tidak membuang terus huruf jawi. Orang yang bertanggungjawab dalam usaha ini ialah R.J Wilkinson iaitu Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan. Beliau juga mencetak karya-karya klasik Melayu untuk dijadikan bahan bacaan sekolah.<sup>25</sup> Pada tahun 1922, atas usaha dan cadangan laporan R. O Winstedt pula, maka tertubuhlah Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim.<sup>26</sup> Namun menurut Awang Had Salleh, usaha-usaha pentadbir pendidikan Inggeris ini tidaklah mencapai ke arah sebenar matlamat pendidikan Melayu, apatah lagi pendidikan Islam. Pihak Inggeris tidak mengemukakan satu rancangan yang dapat meninggikan pelajaran Melayu, mentakrifkan semula tujuan-tujuannya dan meletakkan tempat pelajaran Melayu itu dalam struktur pendidikan negeri.<sup>27</sup>

Dalam hal ini, Mohd Salleh Lebar merumuskan beberapa matlamat dan sikap penjajah British terhadap Pendidikan Melayu, antaranya ialah sekolah direka mengikut kehendak pendidikan dan politik penjajah tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat Melayu. Hasrat mereka sekadar menyediakan keperluan tenaga manusia yang paling rendah, iaitu menjadi petani yang lebih cerdik daripada ibu bapa mereka. Ini kerana pendidikan kepada anak-anak Melayu hanya diberi setakat Darjah Empat sahaja.<sup>28</sup> Pihak British juga tidak menggalakkan masyarakat Melayu memasuki sekolah Inggeris kerana bimbang akan kesedaran nasionalisme di kalangan bangsa Melayu. British mahukan orang Melayu terus tinggal di kampung-kampung dan kekal dengan pekerjaan tradisinya. British turut menggunakan buku-buku dongeng Melayu. Hal ini secara tidak langsung dapat melalaikan orang Melayu dan berjayalah muslihat British.<sup>29</sup>

Moshe Yegar pernah mengulas tentang sikap masyarakat Melayu di Tanah Melayu pada zaman Inggeris, katanya : " Masyarakat Melayu tidak begitu minat terhadap hal ehwal orang-orang Islam di luar Tanah Melayu jika dibandingkan dengan lain-lain masyarakat Muslim di negeri-negeri lain jajahan Inggeris terutamanya di Selangor dan tidak terdapat pergerakan Islam yang menentang penjajahan Inggeris di Malaya ketika itu."<sup>30</sup> Ketika mana Residen Inggeris pertama Selangor, J.G Davidson dilantik mentadbir negeri Selangor, Sultan Abdul Samad yang memerintah negeri Selangor dari tahun 1859 hingga 1898 tidak

---

<sup>25</sup> Stevenson, R (1975), *Cultivators and Administrators: British Education towards the Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 6.

<sup>26</sup> Mohd Salleh Lebar (1988), *op. cit.*, h. 8.

<sup>27</sup> Awang Had Salleh (1974), *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 13.

<sup>28</sup> Mohd Salleh Lebar (1988), *op. cit.*, h. 9.

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 10.

<sup>30</sup> Yegar, Moshe (1979), *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*, Jerusalem: The Magnes Press, h. 109.

menunjukkan kesungguhan dalam pentadbiran keagamaan lantaran usianya yang lanjut, iaitu kira-kira berumur 70 tahun.<sup>31</sup>

Kesan pendidikan Melayu oleh pihak Inggeris sebegini sengaja disalurkan mengikut dasar mengekalkan kaum tani, sehingga kurikulum sekolah Melayu tidak berkembang lebih dari setakat memberi pendidikan dasar selama empat tahun, kecuali latihan perguruan sebagai peringkat tertinggi pendidikan Melayu sesudah sekolah dasar.<sup>32</sup>

Di samping itu juga, pihak penjajah Inggeris, giat melaksanakan proses sekularisasi pendidikan anak-anak Melayu. Pengajian agama dan al-Qur'an di sekolah-sekolah Melayu telah dikesampingkan dari jadual rasmi sekolah dan diarahkan supaya diajar pada waktu sebelah petang. Akibat daripada penerimaan pendidikan sekular, maka wujud jurang pemisah antara golongan moden dengan golongan tradisional yang mana satu golongan meneruskan sistem pendidikan sekular dan mempertahankannya, manakala satu golongan lagi mahukan Pendidikan Islam. Golongan pertama adalah golongan yang berpengaruh kerana mereka secara langsung terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan sistem pendidikan negara. Manakala golongan kedua tidak begitu berpengaruh dan tidak ada kuasa dalam merencana dasar pelajaran negara.<sup>33</sup> Akhirnya kesedaran terhadap kegagalan pemerintahan Inggeris dalam sistem pendidikan untuk memajukan bangsa Melayu dan pendidikan Islam menyebabkan timbulnya semangat kebangsaan Melayu sekitar tahun 1930an. Sikap dan semangat tersebut dibentuk oleh pengaruh pendekatan pengislahan terhadap Islam daripada ahli-ahli fikir Islam pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, seperti Syed Jamāl al-Dīn al-Afghanī dan Syeikh Muḥammad 'Abduh. Dalam konteks Malaysia, muncul pula nama-nama pengislah seperti Sayyid Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin pada tahun 1920-an dan 1930-an yang cuba menyebarkan konsep sistem pendidikan Islam.<sup>34</sup>

Pada tahun 1956 pula, berdasarkan *Annual Report on Education for 1956*, di Selangor sahaja terdapat 149 buah sekolah Melayu Lelaki dan Campuran dengan jumlah kemasukan pelajar seramai 31,745 pelajar dan 8 buah sekolah Melayu Perempuan dengan jumlah pelajar seramai 2,127 orang.<sup>35</sup> Manakala bagi sekolah Inggeris pula terdapat sebanyak 35 buah di negeri Selangor dengan jumlah pelajar

---

<sup>31</sup> Sadka, Emily (1968), *The Protected Malay States 1874 – 1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 27.

<sup>32</sup> Abu Zahari Abu Bakar (1980), *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 17.

<sup>33</sup> Hj. Zainal Abidin bin Hj. Abdul Kadir (1995), Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Agama Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri, Kertas kerja seminar bertajuk "Ke Arah Sistem Pendidikan Islam yang lengkap dan menyeluruh seluruh negara." dalam *Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan*, anjuran BAHEIS, di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru pada 20 -22 Januari 1995, h. 4.

<sup>34</sup> Chandra Muzaffar (1988), *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, Adibah Amin (terj.), Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 10.

<sup>35</sup> Federation of Malaya (1956), *Annual Report on Education for 1956*, Kuala Lumpur: Bahan ARKIB P/JP3/8. h. 148 & 149.



30, 948.<sup>36</sup> Jumlah pelajar berbangsa Melayu bagi sekolah bantuan Inggeris tersebut adalah seramai 4,121 lelaki dan 2,011 perempuan.<sup>37</sup> Berdasarkan jumlah sekolah dan jumlah kemasukan pelajar di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sekolah Inggeris lebih menarik minat masyarakat Tanah Melayu pada tahun-tahun sekitar 1950-an.

Di Kuala Lumpur sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, perkembangan sekolah Inggeris dan sekolah Missionari lebih pesat. Terdapat 5 buah sekolah Inggeris<sup>38</sup> dan 13 buah sekolah missionari di sekitar Kuala Lumpur pada tahun 1956.<sup>39</sup> Antara nama-nama sekolah Inggeris tersebut adalah seperti High Street School, Pasar Road English School, Victoria Institution, Brickfields School dan Malay Girl's College dengan jumlah pelajar seramai 3,878 pelajar.<sup>40</sup> Sementara itu sekolah-sekolah missionari Kristian pula adalah seperti St. John's Institution, La Salle School di Sentul dan Brickfields, Methodist Boys School Kuala Lumpur dan Sentul, Methodist Girl's School Kuala Lumpur, Convent Kuala Lumpur, Sentul dan Brickfields, Pudu English School, St. Marys 'School, St. Gabriels' School, dan Bukit Bintang Girl's School. Jumlah keseluruhan pelajar di sekolah terbabit adalah seramai 13,028 pelajar.<sup>41</sup>

Pada tahun 1956 juga, berdasarkan kepada laporan sebuah jawatankuasa bagi mempertimbangkan bantuan kewangan kepada sekolah agama rakyat seluruh Semenanjung Tanah Melayu didapati bahawa pada tahun sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan terdapat tiga buah madrasah di sekitar Kuala Lumpur yang berada dalam keadaan yang tidak membanggakan. Madrasah-madrasah tersebut adalah Madrasah Noorul-Muhammadiyah, Sg. Chincin, Gombak, Kuala Lumpur, Al-Madrasah al-Islahiah, Batu 5, Gombak, Kuala Lumpur dan Madrasah Kampong Bharu, Kuala Lumpur.<sup>42</sup> Dari segi bilangan sekolah ini, maka dapatlah dirumuskan bahawa keadaan pendidikan agama jauh terkebelakang daripada pendidikan Inggeris yang diterapkan pihak penjajah sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Dalam erti kata lain, pendidikan agama kurang diberi perhatian oleh pihak pemerintah pada masa tersebut.

Ringkasnya, pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu Kuala Lumpur bergerak secara perlahan-lahan dan tidak diberi penekanan yang sewajarnya. Pihak pentadbir Inggeris kurang memberi perhatian berat dan mengeneppikan kepentingan pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu. Ini boleh dilihat di peringkat awalnya, bilamana isi kandungan pengajaran di peringkat permulaan sekolah Melayu vernakular yang tidak memasukkan pendidikan al-Qur'an. Bahkan pada awal abad ke 20, dapat dilihat pendidikan bahasa Melayu

---

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 124 & 125.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 126.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 131.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 132 – 136.

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 131.

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 132 – 136.

<sup>42</sup> Federation of Malaya (1957), *Report on the Committee to Consider Financial Aids to Non-government Islamic Religious Schools 1956*, Kuala Lumpur: Bahan Arkib P/JP3/9.

dan kesusasteraan cerita dongeng disogokkan kepada bangsa Melayu supaya mereka terus alpa dan lalai dengan agama. Hanya setelah desakan dilakukan, barulah mereka memasukkan sukatan pendidikan Islam. Kesimpulannya, pendidikan Islam untuk memantapkan jiwa Islam dalam masyarakat Melayu dipandang sebelah mata oleh pihak pentadbiran British. Sebaliknya, sikap dan pendirian mereka terhadap pendidikan Inggeris dan sekolah misionari Kristian cukup hebat sehingga ramai orang Cina Kuala Lumpur menganuti agama Kristian.

Pernah satu ketika, sekitar tahun 1936, bila mana Raja Haji Abdullah, iaitu Setiausaha Pelajaran Ugama Selangor yang berpusat di Klang pada ketika itu memohon pihak Inggeris menambah masa bagi mata pelajaran agama Islam dari satu jam kepada satu setengah jam di sekolah Inggeris, pihak Inggeris memberi respons negatif dengan tidak meluluskannya. Bahkan mereka telah memutuskan dalam satu ketetapan bahawa pelajaran agama di sekolah Inggeris perlu dikeluarkan dari kurikulum biasa dan ia hanya sesuai diajar di masjid sahaja.<sup>43</sup> Di samping itu juga dalam satu laporan cadangan kursus dan sukatan bagi sekolah Inggeris bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1939, subjek agama Islam tidak dicadangkan langsung untuk ditawarkan bagi diajar di sekolah-sekolah Inggeris.<sup>44</sup>

Namun demikian, walaupun pada tahun-tahun di akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20, masyarakat Melayu di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor disogokkan dengan sistem pendidikan sekular barat anjuran penjajah British, masih terdapat tokoh ulama Melayu yang berperanan mengajar dan menyalurkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat Melayu pada ketika itu. Antaranya ialah Haji Utsman bin Abdullah (1850-1919), Haji Muhammad Nur bin Isma'il (1879-1943) dan Sultan Selangor sendiri iaitu Sultan Sulaiman (1865-1938).

## **Tokoh-Tokoh Ulama Kuala Lumpur Sebelum Merdeka**

### **Haji Utsman bin Abdullah (1850 – 1919M)**

Haji Utsman bin Abdullah dilahirkan di Batu Sangkar, Minangkabau, Sumatera Barat pada tahun 1850M. dan wafat di Kuala Lumpur pada Januari 1919 M. Beliau dimakamkan di Perkuburan Islam Ampang, bersebelahan dengan saudaranya Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah al-Minangkabawi. Beliau adalah Imam, Khatib dan Kadi Kuala Lumpur yang pertama.

Ulama yang berasal dari Minangkabau ini adalah termasuk di antara orang yang pertama tinggal di Kuala Lumpur pada awal-awal perkembangan bandar Kuala Lumpur yang diterokai pada pertengahan abad ke-19.<sup>45</sup> Selain sebagai seorang

---

<sup>43</sup> Fail *Religious Instruction for Malay Boys in English Schools*, Kuala Lumpur: Bahan Arkib, No. Rujukan Fail : Sel. Sec. Financial 64/1936.

<sup>44</sup> Fail *Suggestive Course of Instruction and Syllabus for English Schools in The Straits Settlements and Federated Malay States 1939*, Bahan Arkib, No. Rujukan Fail P/JP5/2.

<sup>45</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2005), "Ulama Minangkabau Kadi Kuala Lumpur yang Pertama", dalam *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2005, h. 9.

Imam, Khatib dan Kadi Kuala Lumpur serta terlibat sebagai seorang pengusaha, beliau juga giat mengajar.

Di antara muridnya ialah Sultan Abdul Samad Selangor, Raja Mahmud, Sutan Puasa<sup>46</sup> dan Haji Abdullah Hukum dan ramai lagi. Beliau merupakan ulama bijak yang sentiasa membantu umara'. Sebagai contoh, perselisihan sesama muslim pada zaman beliau tentang solat jumaat di dua buah masjid yang berhampiran, iaitu Masjid Melaka dan Masjid Minangkabau mampu diselesaikan secara bijaksana dengan dibuat giliran selang seminggu.<sup>47</sup>

### **Haji Muhammad Nur bin Ismail (1879-1943)**

Nama lengkapnya ialah Haji Muhammad Nur bin Haji Ismail. Ayah dan ibunya berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat. Haji Muhammad Nur juga lahir di Minangkabau pada tahun 1879M. Beliau meninggal dunia di Kampung Baru, Kuala Lumpur, pada hari Rabu, 18 Zulhijjah 1362 H/15 Disember 1943 M, dalam usia 65 tahun dan dikebumikan di Perkuburan Islam Ampang, Kuala Lumpur.<sup>48</sup>

Haji Muhammad Nur mendapat pendidikan awal dari ayahnya sendiri Ismail al-Minankabawi. Ayahnya itu adalah termasuk salah seorang pembedar di Kerajaan Langkat, Sumatera. Setelah banyak memperoleh ilmu dari ayah dan ulama di Langkat, Haji Muhammad Nur dihantar ke Mekah untuk lebih mendalami pelbagai bidang ilmu. Haji Muhammad Nur belajar di Mekah sekitar 10 tahun. Antara para ulama dunia Melayu yang menjadi gurunya ialah Syeikh Wan Ahmad al-Fathani, Syeikh Ahmad Khatib al-Minankabawi, Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Syeikh Wan Ali Kutun, Syeikh Mukhtar bin `Atharid Bogor, dan Syeikh Usman Sarawak. Di samping itu juga beliau pernah belajar dari ulama Arab seperti Syeikh Muhammad Said Babshail (Mufti Mazhab Syafie), Syeikh Muhammad bin Yusuf Khaiyath, Syeikh `Umar Bajunid dan Syeikh Muhammad Sa'id al-Yamani.<sup>49</sup>

Setelah mengajar di Langkat, beliau berpindah ke Kuala Lumpur. Sahabatnya, Tengku Mahmud Zuhdi yang ketika itu merupakan Syeikh al-Islam Selangor, telah memberi tugas kepada beliau untuk mengajar di beberapa buah tempat sekitar Kuala Lumpur seperti di Masjid Jamek, Masjid Kampung Baru dan sebagainya. Beliau mengajar pelbagai ilmu agama Islam seperti tauhid, fiqh, usul fiqh dan tatabahasa Arab. Haji Muhammad Nur juga menghasilkan beberapa buah karangan yang ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab antaranya ialah Ilmu Tasawuf dan kitab fiqh tentang puasa dan zakat.<sup>50</sup>

---

<sup>46</sup> Sutan Puasa yang tersebut diriwayatkan berasal dari Mandailing, Sumatera Timur, beliau adalah Ketua Melayu (Dato' Dagang) yang pertama di Kuala Lumpur.

<sup>47</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2005), *op. cit.*

<sup>48</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2004a), "Haji Muhammad Nur Kadi Kerajaan Langkat", dalam *Utusan Malaysia*, 6 September 2004, h. 9.

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> *Ibid.*

## Sultan Sulaiman (1865-1938)

Nama lengkap baginda sultan ialah Sultan Alauddin Sulaiman Syah bin Raja Muda Musa bin Sultan Abdul Samad bin Raja Abdullah bin Sultan Ibrahim Syah bin Raja Lumu (Sultan Salehuddin Syah, Sultan Selangor yang pertama) bin Upu Daeng Celak (Yamtuan Muda Riau yang kedua). Sultan Sulaiman lahir pada 11 September 1865 Masihi dan mangkat pada 31 Mac 1938 Masihi. Baginda Sultan Sulaiman merupakan Sultan Selangor ke-5, yang bertakhta pada tahun 1898 Masihi - 1938 Masihi. Baginda memerintah dalam masa lebih kurang 40 tahun.<sup>51</sup> Sultan Selangor Darul Ehsan ini dapat dikategorikan sebagai seorang sultan yang amat mengasahi ulama.<sup>52</sup>

Atas rasa kewajipan dan tanggungjawab menyebarkan dan mempertingkatkan pengetahuan Islam di Kerajaan Selangor termasuk di Kuala Lumpur, Sultan Sulaiman telah mendatangkan beberapa orang ulama besar dalam kerajaan yang diperintahnya. Antara ulama yang paling dekat dengannya ialah Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fathani.<sup>53</sup>

Dari segi penulisan, baginda mengarang beberapa kitab dalam bidang tauhid iaitu *Kitab Pohon Ugama Bahagian Rukun Iman* yang diselesaikan pada tahun 1919M., cetakan ketiga, Matba'ah New Klang Press, Klang, tahun 1930M. Kandungan yang menjadi topik perbincangan keseluruhan ialah mengenai akidah. Kitab kedua baginda ialah *Kitab Melatih Kanak-Kanak Laki-Laki Perempuan, Agama Islam 1*, diselesaikan di Istana Mahkota Puri, Klang pada 3 Zulhijjah 1348 H. Kitab ini dicetak oleh The Boon Hua Press, Klang, 1349 H/1930M. Antara isi kalimat baginda yang bersajak pada pendahuluan :

``... pada bicarakan ilmu tauhid pangkal agama Islam. Yang sangat hampir fahamnya dan mengertinya bagi segala awam. Dicadangkan dia bagi mereka yang berkehendak kemenangan lama. Daripada kanak-kanak yang baharu belajar di dalam sekolah agama ...".

Memperhatikan kepada penulisan baginda dan perkataan Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani selaku Syaikh al-Islam Selangor, dapat disimpulkan bahawa baginda Sultan Sulaiman sangat memperhatikan soal pendidikan sejak kanak-kanak lagi. Dan yang paling diutamakan penerapannya ialah perkara akidah dan akhlak.<sup>54</sup> Secara ringkasnya, terdapat juga segelintir tokoh ulama yang berperanan dalam mengembangkan pendidikan Islam di tengah-tengah sistem pendidikan Inggeris yang menjadi pendidikan arus perdana pada ketika sebelum kemerdekaan Tanah Melayu.

---

<sup>51</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2004b), "Sultan Sulaiman Selangor Sultan yang Mengasahi Ulama", dalam *Utusan Malaysia*, 5 Julai 2004, h. 9.

<sup>52</sup> "Riwayat Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, Syaikhul Islam Selangor", dalam "Ruangan Agama", *Utusan Malaysia*, 22 Mac 2004, Seksyen 3, h. 9.

<sup>53</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2004b), *op. cit.*

<sup>54</sup> *Ibid.*

## **Sistem Pendidikan Islam Selepas Kemerdekaan Malaysia, 1957**

Walaupun negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kesan jangka panjang dari corak dan sistem pendidikan Inggeris adalah berlanjutan sehingga ke tahun-tahun 60an dan 70an. Corak dan gaya pendidikan Islam di Kuala Lumpur selepas merdeka banyak dipengaruhi oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan. Ia merupakan hasil daripada segala proses yang bertitik-tolak daripada perancangan program-program kerajaan untuk melaksanakan pelbagai peruntukan dan peraturan yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran tahun 1957 dan Akta Pelajaran yang diluluskan parlimen pada tahun 1961. Sebahagian besar daripada peruntukan dan peraturan ini telah berpandukan kepada ketetapan, perakuan dan syor-syor yang terdapat dalam Laporan Penyata Razak (1956) dan Laporan Penyata Abdul Rahman Talib (1960). Pada hakikatnya, kedua-dua laporan ini telah menjadi asas kepada segala usaha dalam proses pembentukan dan pembangunan sistem dan dasar pendidikan negara yang terdapat hingga ke masa kini.<sup>55</sup>

Pendidikan Islam di tahun-tahun awal selepas kemerdekaan masih mempunyai pengaruh penjajahan di mana amalan dualisme masih wujud antara pendidikan agama dan pendidikan sekular. Hasil daripada sistem ini melahirkan dua kelompok manusia dalam satu masyarakat. Hal ini ketara dalam lingkungan para lulusan Timur dan Barat yang saling tuduh-menuduh tanpa cuba berusaha menyatukan metode-metode yang telah dipelajari dalam satu hasil dan gabungan yang standard. Di samping itu juga, mata pelajaran agama di sekolah-sekolah kerajaan tidak memberikan sumbangan kepada para pelajar dengan peruntukan masa yang terhad dan cuba menghuraikan hampir semua mata pelajaran termasuklah fekah, tafsir, hadis, tauhid, sejarah Islam dan sebagainya. Apatah lagi sifatnya sebagai mata pelajaran pilihan telah memburukkan lagi anggapan pelajar tentang matapelajaran agama. Akibatnya, ia melahirkan para pelajar Islam yang tidak tahu membaca al-Qur'an dan membaca jawi.

Tambahan pula, bila sekolah-sekolah agama diambilalih oleh kerajaan, sistem pembahagian akademik dan agama dilakukan seperti pelajar sains tidak perlu mengambil mata pelajaran agama dan Bahasa Arab, sebaliknya sebagai sampingan sahaja.<sup>56</sup> Sementara itu, di bawah Dasar Pendidikan Kebangsaan (1961), semua sekolah agama telah diletakkan di bawah struktur baru di bawah semangat Polisi Pendidikan Kebangsaan di mana pendidikan agama digabungkan dalam kurikulum kebangsaan bagi peringkat sekolah rendah dan menengah dengan peruntukan masanya sebanyak 120 minit seminggu. Serentak dengan itu, satu Pekeliling telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran yang tidak membenarkan seseorang murid didaftarkan di dua buah sekolah pada satu masa. Berdasarkan kepada pentafsiran arahan tersebut, maka ramailah murid-murid yang berdaftar di Sekolah Kebangsaan tidak lagi berdaftar di sekolah lain termasuklah

---

<sup>55</sup> Hussin Haji Ahmad (1991), "Pendidikan di Malaysia: Satu Tinjauan Kronologi", dalam Mohd. Idris Jauzi (ed.) *Reformasi Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 39.

<sup>56</sup> Sobri Salamon (1988), *Falsafah Pendidikan Islam dan Dasar Pelajaran Malaysia*, cet. 2, Shah Alam: Arrahmaniah Hizbi, h. 25.

Sekolah-sekolah Rendah Agama atau kelas agama petang. Akibatnya seluruh sekolah agama petang ditutup kecuali di negeri Johor. Kesan daripada tindakan ini, melahirkan satu zaman kekosongan Pendidikan Islam tambahan kepada anak-anak Islam. Natijahnya, ramai remaja Islam di tahun 1960an dan 1970an tidak cukup pengetahuan dan didikan Islam. Ramai anak-anak Islam yang tidak boleh solat, tidak tahu mengucap, tidak faham Rukun Iman dan Islam, tidak boleh membaca al-Qur'an, tidak boleh membaca dan menulis jawi dan sebagainya.<sup>57</sup>

Isi kandungan kurikulum juga turut berubah. Sebagai contoh, di sekolah rendah agama subjek-subjek seperti Akidah, Ibadah, Akhlak, Sirah Nabawi, Qiraat al-Qur'an dan Tulisan Jawi dikehendaki diajar, manakala subjek-subjek seperti Balaghah, Mantiq, Tafsir dan Soraf dihapuskan. Di sekolah menengah agama pula, bahasa Malaysia telah menggantikan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Subjek-subjek Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Matematik, Geografi, Sejarah dan Sains diperkenalkan untuk membenarkan pelajar menduduki peperiksaan kebangsaan. Walau bagaimanapun pendidikan Islam dan Bahasa Arab dikekalkan. Kesan dari dasar ini mewujudkan dualisme dalam pendidikan dan berlaku penurunan yang ketara bagi dua dekad terhadap kemasukan pelajar ke sekolah-sekolah agama.<sup>58</sup>

Menyedari hal-hal tersebut, kerajaan telah membentuk sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad (ketika itu) yang telah memutuskan dalam laporannya seperti berikut sebagai lanjutan kepada Akta Pelajaran 1961 dalam seksyen 36 (1):

"Memandangkan pentingnya mata pelajaran pengetahuan ugama Islam ini, maka diperakukan semua murid Islam bukan sahaja mesti mengikuti mata pelajaran ini tetapi hendaklah diwajibkan mengambilnya dalam peperiksaan awam."<sup>59</sup>

Di samping itu juga, bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam, adalah diperakukan bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini hendaklah diberikan latihan iktisas yang cukup.<sup>60</sup> Ini bermaksud bahawa Jawatankuasa Kabinet telah memperakukan bahawa pelajaran agama Islam bukan sahaja wajib diajarkan tetapi juga diwajibkan di dalam peperiksaan yang dijalankan oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, ia hanya berkaitan dengan pendidikan agama di sekolah rendah, menengah dan kolej.

---

<sup>57</sup> Hj. Zainal Abidin bin Hj. Abdul Kadir (1995), *op. cit.*, h. 5.

<sup>58</sup> Sidek Haji Fadhil (2005), "Islamization of the Malay World and Malaysia", dalam M. Kamal Hassan & Ghazali Basri (ed.), *Religions and Belief*, dalam Siri *The Encyclopedia of Malaysia*, Jil. 10, Singapura: Archipelago Press, h. 44.

<sup>59</sup> Mahathir bin Mohammad (1984), *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran (7hb. November 1979)*, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 71.

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 73.

Manakala pendidikan agama di peringkat universiti pula tertakluk kepada pihak universiti sendiri yang mempunyai kuasa autonomi dalam soal-soal akademik.<sup>61</sup>

Dari segi sukatan pelajaran akidah, ia disusun buat pertama kalinya bagi sekolah bantuan kerajaan termasuk sekolah Inggeris pada tahun 1959. Setelah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja Melayu, sukatan itu dilaksanakan mulai tahun 1962 sehingga akhir tahun 1967.<sup>62</sup> Dinukilkan di sini sebagai contoh sukatan pendidikan akidah yang dipetik daripada sekolah Inggeris. Menurut sukatan pelajaran agama Islam di sekolah Inggeris Bahagian Menengah bagi Kerajaan Negeri Persekutuan Tanah Melayu dinyatakan bahawa sukatan pelajaran tauhid tersusun daripada :<sup>63</sup>

**Jadual 1: Sukatan Mata Pelajaran Tauhid Sekolah Inggeris Bahagian Menengah Sekitar Tahun 1960an**

Tahun	Sukatan
Tahun 1	Akidah iaitu Iman dan Rukun-rukunnya, Amal iaitu Islam dan Rukun-rukunnya (Hendaklah diterangkan satu persatu dengan perkataan-perkataan yang mudah dan ringkas dan sebutkan sebahagian daripada hikmat-hikmatnya)
Tahun 2	Kehajatan manusia kepada rasul-rasul, sifat dan nama rasul yang wajib diketahui, erti wahyu dan pengertian Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penyudah nabi-nabi.
Tahun 3	Utusan Rasul-rasul, Mukjizat dan tujuan-tujuannya, Qur'an pada segi mukjizat, Qur'an sebesar mukjizat di sisi Rasulullah s.a.w., Seruan Rasulullah s.a.w. am kepada manusia dan jin, erti Rasul itu maksum, Pahala dan Seksa, Manusia bertanggungjawab atas perbuatannya, Perbatasan tanggungjawab.
Tahun 4	Tanggungjawab, budi pekerti dan hubungan keduanya dengan dasar Qada' dan Qadar, Erti Qada' dan Qadar, Menolak faham-faham salah berhubung dengan Qada' dan Qadar, Islam Menyuruh mengambil akidah-akidah yang bersih dan menjauhi akidah-akidah yang karut, Islam menyuruh berkelakuan baik, menjauhi adat-adat yang dilarang seperti main judi, minum arak dan lain-lainnya.
Tahun 5	-Tidak diajar dalam sukatan-
Tahun 6	-Tidak diajar dalam sukatan-

Sumber : Bahan Arkib, Surat Persendirian SP.19/10/9

<sup>61</sup> Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 8.

<sup>62</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Uagama Islam Mengikut Shor2 Penyata Razak 1956, dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 7.

<sup>63</sup> *Sukatan pelajaran agama Islam di sekolah Inggeris bahagian menengah bagi Kerajaan Negeri Persekutuan Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Bahan ARKIB, Surat Persendirian SP.19/10/9

Sementara itu, sukatan pelajaran tauhid bagi sekolah rendah pula lebih kepada mengajak para pelajar menggunakan kaedah akal dan rasional bagi mensabitkan kewujudan Tuhan. Antara sukatan pelajaran tauhid adalah seperti berikut:<sup>64</sup>

**Jadual 2: Sukatan Mata Pelajaran Tauhid Sekolah Inggeris Bahagian Rendah Sekitar Tahun 1960an**

Tahun	Sukatan
Tahun 1	Menarik perhatian murid-murid kepada keadaan alam tabie yang berhubung langsung dengan kehidupan mereka sehari-hari dan yang meliputi di sekeliling mereka daripada berbagai-bagai jenis tumbuhan, haiwan dan manusia, bagaimana meresap sifat-sifat hidup pada benda-benda yang tersebut, dan bagaimana pula benda-benda itu tumbuh dan jadi subur, besar, kemudian kembali layu, lemah dan akhirnya mati.
Tahun 2	Berpindah daripada memerhatikan keadaan rupa zahir alam tabie itu kepada menetapkan wujud (ada) tuhan yang menjadikan rupa-rupa zahir alam tabie itu dan yang menjadikan segala makhluk, tuhan mestilah bersifat kuasa yang penuh dan pengetahuan yang meliputi segala sesuatu dan bersifat dengan segala sifat kesempurnaan.
Tahun 3	-Mengulangi pelajaran tahun lepas-
Tahun 4	Sifat-sifat yang wajib, mustahil dan yang harus bagi hak Allah Ta'ala (dengan ringkas) Sifat-sifat yang wajib, mustahil dan yang harus bagi hak Rasul-rasul (dengan ringkas)
Tahun 5	Sifat-sifat yang wajib, mustahil dan yang harus pada hak Allah Ta'ala serta dengan dalil-dalilnya Sifat-sifat yang wajib, mustahil dan yang harus pada hak Rasul-rasul serta dengan dalil-dalilnya
Tahun 6	Islam dan iman dan rukun-rukunnya dengan huraian satu persatunya

Sumber : Bahan Arkib, Surat Persendirian SP.19/10/10

Perkembangan pendidikan Islam yang tercabar dengan pendidikan sekular dan liberal dari Barat dan hampir dilupai mulai menyerlah kembali khususnya di bawah pimpinan kerajaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad yang mulai menerapkan nilai-nilai Islam di dalam segala bidang.<sup>65</sup> Permasalahan pendidikan Islam serta rungutan guru-guru agama khususnya dan para pemerhati mulai mendapat perhatian. Pihak kerajaan mulai menyedari keperluan meningkatkan mutu pendidikan Islam dan dengan itu membentuk satu Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam yang telah dipersetujui oleh

<sup>64</sup> *Sukatan Pelajaran Agama Islam di Sekolah-sekolah Inggeris Bahagian Rendah bagi Kerajaan Negeri Persekutuan Tanah Melayu Tahun Pertama dan Kedua*, Kuala Lumpur: Bahan ARKIB, Surat Persendirian SP.19/10/10.

<sup>65</sup> "Projek Islam dirancang Rapi", *Berita Harian*, 16 September 1985, h. 1.



Majlis Raja-raja dan Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri merangkap sekretariat kepada lembaga tersebut. Lembaga tersebut ditubuhkan adalah untuk menyelaras dan meninggikan mutu pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah agama negeri dan rakyat di seluruh negara. Antara peranan yang dimainkan oleh lembaga tersebut adalah untuk menyemak sukatan pelajaran dan kurikulum pelajaran agama, menentukan buku-buku teks, mengatur dan mengawal peperiksaan dan mengeluarkan sijil-sijil kelulusan peperiksaan bagi sekolah-sekolah agama dan rakyat.<sup>66</sup>

Seterusnya, teras pendidikan kebangsaan telah disepadu dan digemblengkan berasaskan satu pegangan yang penting dan utama iaitu kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan Yang Maha Esa supaya pendidikan kebangsaan dapat melahirkan insan kamil yang mempunyai pegangan yang kukuh dalam penganutan agama. Selain itu, penegasan kepada ciri berakhlak mulia dan murni adalah salah satu unsur yang terpenting dalam falsafah pendidikan negara dan telah dinyatakan secara jelas. Ini adalah kerana ia merupakan komponen unsur-unsur nilai yang bersepadu dan penting diterapkan dalam pelaksanaan kurikulum dan ko-kurikulum supaya ia merentasi proses pendidikan keseluruhannya, selain daripada yang perlu diajarkan dalam mata pelajaran pendidikan Islam atau pendidikan moral. Ia harus merangkumi proses penerapan nilai-nilai murni yang perlu dilakukan secara bersengaja dan sedar.<sup>67</sup>

Nilai-nilai itu pula berlandaskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, kerana tanpa landasan ini, segala ilmu dan kemahiran yang dipelajari daripada guru dan para pendidik tidak akan bermakna sekiranya jiwa para pelajar itu menghadapi masalah kekosongan rohani dan mudah pula diisikan dengan nilai-nilai yang bertentangan dengan kefahaman keagamaan. Di sinilah terletaknya rasional dan paksi pernyataan Falsafah Pendidikan Negara.<sup>68</sup> Falsafah tersebut menyatakan bahawa "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."<sup>69</sup>

Secara umumnya, jika dilihat dari sudut nisbah usia kemerdekaan negara, peratusan serta kekuatan ekonomi dan politik rakyat Malaysia yang beragama Islam di samping rekod pencapaian mereka sepanjang dekad-dekad sebelum merdeka, menunjukkan bahawa pencapaian pendidikan Islam di negara ini dalam maksudnya yang umum adalah baik. Menurut Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan

---

<sup>66</sup> "Lembaga Baru Jamin Mutu Pendidikan Islam", *Berita Harian*, 14 September 1983, h.10.

<sup>67</sup> Hussin Haji Ahmad (1991), *op. cit.*, h. 45 – 47.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), *Falsafah Pendidikan Negara*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 1.

Daud, tahap pencapaian baik ini lebih bermakna lagi jika dibandingkan dengan pencapaian negara-negara Islam lain yang telah lama mencapai kemerdekaan, atau yang tidak dijajah secara langsung atau mempunyai peratusan rakyat Islamnya yang lebih tinggi, atau yang kekuasaan ekonomi dan politiknya bergantung pada umat Islam semata-mata.<sup>70</sup>

Kesimpulannya, zaman selepas kemerdekaan Tanah Melayu telah memperlihatkan perkembangan yang positif terhadap sistem pendidikan Islam. Berlakunya sedemikian adalah lantaran daripada kesedaran para pemimpin dan ulama untuk melihat unsur dualisme dalam pendidikan akibat pengaruh sistem pendidikan barat dihapuskan.

### **Penglibatan Institusi Pendidikan Dalam Pendidikan Islam**

Pendidikan ialah proses yang berlaku sepanjang hayat dan tidak terbatas pada ruang masa dan tempat. Pendidikan sepanjang hayat ini dapat dibahagikan kepada tiga iaitu, pendidikan formal, informal dan non-formal. Pendidikan formal ialah proses pengajaran-pembelajaran yang berlaku dalam sesuatu institusi yang mempunyai struktur dari segi kronologi dan hierarki. Ia selaras dengan sistem pendidikan atau pelajaran sesebuah negara dan meliputi jangka masa dari sekolah rendah hingga ke universiti. Pendidikan informal atau tidak formal adalah proses pendidikan yang berlaku seumur hidup.<sup>71</sup> Seseorang itu akan memperoleh dan menambah pengetahuan, kemahiran dan membentuk sikap serta pandangan berdasarkan pengetahuannya setiap hari sama ada di tempat kerja, di sekolah atau di tempat rekreasi. Malah seseorang individu itu juga mampu mendapat pengetahuan melalui radio, televisyen dan suratkhbar tanpa bersemuka. Proses pembelajaran secara tidak formal ini adalah tidak bersistematik dan tidak teratur. Walau bagaimanapun melalui pendidikan informal inilah seseorang itu memperoleh kebanyakan dari pembelajarannya.

Sementara itu pendidikan non-formal pula ialah apa-apa sahaja aktiviti pendidikan yang tersusun dan sistematik yang dijalankan di luar rangka kerja sistem formal untuk memberi jenis-jenis pembelajaran yang terpilih untuk sesuatu subkumpulan dalam masyarakat seperti kepada orang dewasa atau kanak-kanak.<sup>72</sup> Ia mempunyai perbezaan dengan pendidikan formal dari segi struktur, kandungan, masa, kawasan, lokasi, fungsi, ganjaran, kaedah, peserta dan kos.<sup>73</sup> Dalam konteks pendidikan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ketiga-tiga jenis pendidikan ini sememangnya wujud dan dilaksanakan oleh pelbagai institusi dan pihak-pihak berkenaan.

---

<sup>70</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), "Pencapaian dan Cabaran Pendidikan Islam", dalam *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 603.

<sup>71</sup> Ibrahim Saad (1990), *Perubahan Pendidikan di Malaysia Satu Cabaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 204.

<sup>72</sup> *Ibid.*

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 204 & 205.

## Institusi Formal

Salah satu daripada pendidikan formal di Kuala Lumpur ialah program pendidikan Tadika Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bertujuan menyediakan pelajar dengan asas ilmu pengetahuan agama Islam, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam kehidupan seharian mereka. Peringkat Tadika merupakan asas bagi pemupukan, pembinaan dan penyuburan perkembangan pelajar sebagai persediaan pada tahun-tahun seterusnya. Dalam program pendidikan Tadika ini, proses pembelajaran di bilik-bilik darjah adalah melalui strategi belajar dan menghafal. Program ini menekankan kepada hafalan surah-surah pendek dari al-Qur'an, doa dan adab dalam kehidupan seharian. Pendidikan ini boleh merangsang semangat bergaul, sifat hormat-menghormati dan berdisiplin untuk menyediakan pelajar mengikuti pelajaran di sekolah rendah.<sup>74</sup> Sehingga tahun 2005, terdapat 68 buah Tadika Islam di bawah seliaan JAWI di sekitar Kuala Lumpur.<sup>75</sup> Pada kebiasaannya, tadika Islam menerima kanak-kanak Islam yang berumur 5 dan 6 tahun. Isi pengajaran dan pendidikan Islam berkisar kepada asas-asas fardhu ain.<sup>76</sup> Pendidikan di Tadika sekitar Kuala Lumpur mempunyai lima mata pelajaran agama Islam iaitu Pendidikan Islam, Tauhid, Feqah, Muqaddam, Sirah dan Akhlak dan juga lima mata pelajaran Akademik iaitu Tulisan Rumi, Pelajaran Jawi, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Matematik serta lima aktiviti luar kelas iaitu mainan dan reka cipta, senaman dan permainan luar, pendidikan seni, nasyid dan berdo'a, muqaddam dan hafalan-hafalan surah pendek.<sup>77</sup> Dari segi kaedah pengajaran, guru-guru tadika Islam lebih banyak melakukan aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan umur kanak-kanak seperti melagukan nasyid, hafalan dan soal jawab.<sup>78</sup>

Institusi pendidikan formal lain yang terlibat dengan pendidikan Islam di Kuala Lumpur ialah Sekolah Rendah Agama (SRA). JAWI mula mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah rendah agama yang terdapat dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mulai awal tahun 1980.<sup>79</sup> Pada awal penubuhannya JAWI telah mengambil alih empat buah SRA Rakyat di bawah pentadbiran JAIS iaitu SRA Kampung Dato' Keramat, SRA Kampung Puh, Setapak, SRA al-Watan, Kampung Pandan dan SRA Seri Pantai, Pantai Dalam. Dari setahun ke setahun terdapat penambahan bilangan sekolah baru yang amat memberangsangkan. Kebanyakan SRA baru dibina bersebelahan dengan masjid-masjid baru yang didirikan di Wilayah

---

<sup>74</sup> Haji Idris bin Haji Ibrahim (2004), *Pengurusan dan Pentadbiran SRA JAWI*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 36.

<sup>75</sup> Temubual dengan Ustazah Ruzaimah binti Soriadi, Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) di pejabat beliau, Tingkat 3, Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur pada 28 November 2005, jam 3 – 4 pm.

<sup>76</sup> *Ibid.*

<sup>77</sup> Haji Idris bin Haji Ibrahim (2004), *op. cit.*, h. 38.

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (1980), *Majlis Taklimat Sempena Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Malaysia*, Kuala Lumpur: JAWI, h. 16.

Persekutuan Kuala Lumpur.<sup>80</sup> Pada masa sekarang, terdapat sebanyak 73 buah Sekolah Rendah Agama (SRA) di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kebanyakan SRA tersebut dikelolakan oleh seorang Guru Besar dengan dibantu oleh beberapa orang guru. Majoriti SRA mempunyai bangunan sendiri. Pembiayaan perjalanan SRA datangnya dari yuran pengajian pelajar. Walau bagaimanapun, guru-gurunya turut diberi elaun mengajar oleh JAKIM.<sup>81</sup> Pihak JAWI telah menggariskan panduan yang berkaitan dengan kurikulum, setiap mata pelajaran yang dimasukkan dalam sukatan pelajaran SRA seperti pelajaran tauhid, fekah, bahasa Arab, sirah, al-Qur'an, tajwid, tulisan jawi dan khat dari tahun satu hingga tahun enam dapat mengukuhkan asas agama Islam kepada para pelajar. Ko-kurikulum SRA juga merupakan latihan amali ilmu-ilmu Islam seperti sembahyang, membaca al-Qur'an berlagu, membaca khutbah, bercakap bahasa Arab, membaca doa, riadah dan lain-lain.<sup>82</sup> Bagi peringkat menengah pula, tidak terdapat sebuah pun Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau Sekolah Agama Negeri (SAN) di peringkat Menengah Agama di Kuala Lumpur. Pelajar berumur 13 hingga 17 tahun di Kuala Lumpur biasanya menerima pendidikan Islam daripada Sekolah Menengah Kebangsaan dan juga melalui pelajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang wajib diambil oleh semua pelajar muslim semasa bersekolah menengah kebangsaan.<sup>83</sup>

Selain itu, Sekolah Rendah Kebangsaan dan Menengah Kebangsaan juga merupakan institusi formal yang mengajar pendidikan Islam. Pendidikan agama Islam di peringkat sekolah rendah dari segi falsafah, dasar, kurikulum dan ko-kurikulumnya boleh dianggap baik. Peruntukan masa minimum pendidikan Islam dalam tempoh seminggu di Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) ialah 180 minit manakala di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) ialah 150 minit selain waktu untuk Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA).<sup>84</sup> Sekolah Menengah Kebangsaan turut mengajarkan mata pelajaran Pendidikan Islam dengan menjadikan mata pelajaran ini sebagai subjek teras yang wajib diambil oleh setiap pelajar yang beragama Islam.<sup>85</sup> Di samping itu juga, melalui Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA), para pelajar juga diajar dan dinilai berhubung akidah Islam, fekah, al-Qur'an dan Hadis serta akhlak.<sup>86</sup> Di samping mata pelajaran Pendidikan Islam, terdapat juga beberapa subjek elektif yang ditawarkan bermula di Tingkatan Empat. Mata pelajaran tersebut adalah seperti Tasawwur Islam, Pendidikan al-Qur'an dan

---

<sup>80</sup> Temubual dengan Ustaz Wan Yusuff bin Wan Ishak, Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan, JAWI, pada 29 Disember 2005 jam 10-11 am di pejabatnya di Tingkat 3, Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

<sup>81</sup> Temubual dengan Puan Ruzaimah binti Soriadi, *op. cit.*

<sup>82</sup> Haji Idris bin Haji Ibrahim (2004), *op. cit.*, h. 36.

<sup>83</sup> Temubual dengan Encik Abdul Hadi bin Hamzah, Penolong Pengarah Kurikulum, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Sektor Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Persiaran Duta, Off Jalan Duta, 50604 Kuala Lumpur pada 18 Disember 2005 jam 3.00 – 4.00 pm.

<sup>84</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *op. cit.*, h. 604.

<sup>85</sup> *Ibid.*

<sup>86</sup> Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (2005), *Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA)*, Putrajaya: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. xiii.

Hadith serta Ulum al-Syar'iyah. Mata pelajaran Tasawwur Islam dibuka kepada pelajar bukan Islam untuk mengambilnya sebagai satu subjek elektif.<sup>87</sup> Mata pelajaran Pendidikan al-Qur'an dan Hadith serta Ulum al-Syar'iyah kebiasaannya diambil oleh pelajar-pelajar aliran sastera dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).<sup>88</sup> Pada masa kini, subjek Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah, Ulum al-Syar'iyah dan Bahasa Arab Tinggi wajib diambil oleh pelajar-pelajar SMKA bagi aliran sastera dan sains.<sup>89</sup> Selain itu juga, di dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat menengah juga, khususnya di Tingkatan 4 dan 5 terdapat isi kandungan yang menceritakan tentang tokoh-tokoh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah dan tokoh-tokoh ilmuwan tertentu seperti Imam Aḥmad bin Hanbal, Ibn Sinā, Sayyid Jamāl al-Dīn al-Afghanī, Muhammad 'Abduh, Dr. Hamka dan Syed Syeikh Tahir Jalaluddin.<sup>90</sup> Namun demikian, nama-nama besar Imam Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Imam al-Asy'arī, al-Māturīdī, al-Ghazālī tidak kedapatan di dalam isi kandungan sukatan pelajaran. Menurut pendapat penulis, adalah lebih baik sekiranya tokoh-tokoh ini turut dimuatkan sama di samping tokoh-tokoh ulama mutakhir kerana sumbangan mereka dalam menegakkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah cukup besar dalam sejarah umat Islam. Melalui temubual penulis dengan Encik Abdul Hadi bin Hamzah, beliau keberatan untuk memberi ulasan tentang perkara ini kerana ia bertentangan dengan polisi tugasnya sebagai pegawai pelajaran di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

### **Institusi Non Formal**

Antara institusi non formal yang terlibat secara dominan dengan pendidikan Islam di sekitar Kuala Lumpur ialah masjid dan surau. Institusi masjid dan surau merupakan institusi yang amat penting bagi masyarakat Islam. Institusi ini memainkan peranan penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada orang ramai. Dari sudut sejarah Islam, tradisi pengajian di masjid ini dimulakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sewaktu baginda berhijrah ke Madinah. Baginda telah mendirikan sebuah masjid di kota tersebut.<sup>91</sup> Masjid juga merupakan institusi Islam pertama yang mengajar ilmu pengetahuan Islam. Tegasnya, masjid merupakan agen yang penting untuk menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat Melayu pada zaman tradisi.<sup>92</sup> Pada siang hari, masjid dan surau merupakan pusat pengajian bagi kanak-kanak untuk mempelajari al-Qur'an dan mendalami ilmu fardhu ain, manakala pada sebelah malamnya pula ia menjadi pusat pengajian bagi orang dewasa.<sup>93</sup>

---

<sup>87</sup> Temubual dengan Encik Abdul Hadi bin Hamzah, *op. cit.*

<sup>88</sup> Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 109.

<sup>89</sup> Temubual dengan Encik Abdul Hadi bin Hamzah, *op. cit.*

<sup>90</sup> *Ibid.*

<sup>91</sup> Ismail Hamid (1988), *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 133.

<sup>92</sup> M. A. Rauf (1964), "Islamic Education" dalam *Intisari*, Bil. 2, h. 19.

<sup>93</sup> Ismail Hamid (1988), *op. cit.*, h. 134; Hj. Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*, Petaling Jaya: Al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, h.

Pengajian di masjid dan surau ini menggunakan kitab-kitab sebagai buku teks. Apabila guru membaca kitab-kitab berkenaan, penuntut-penuntut turut menyemak kitab masing-masing. Bagi mereka yang tidak mempunyai kitab memadai dengan mendengar sahaja. Pengajian di masjid ini walaupun dikatakan bercorak lebih formal tetapi sistemnya tidaklah teratur kerana bilangan pelajar-pelajarnya tidak terhad, guru-guru terdiri daripada mereka yang berkhidmat secara sukarela. Pengajiannya berdasarkan kitab-kitab yang ditetapkan oleh guru-guru dan pelajaran yang diajar adalah seperti Fekah, Usuluddin, Tasawuf, Hadis, Tafsir dan beberapa mata pelajaran yang lain.<sup>94</sup>

Perkembangan sejarah pembinaan masjid di Kuala Lumpur bergerak seiring dengan kehadiran jumlah penduduk yang beragama Islam sama ada yang berasal dari Tanah Melayu mahupun dari luar Tanah Melayu seperti Sumatera dan kepulauan nusantara yang lain. Berdasarkan catatan Haji Abdullah Hukum, masjid yang pertama dibina di Kuala Lumpur ialah masjid yang didirikan oleh ayah mentua beliau bernama Encik Baki. Masjid tersebut didirikan di Kampung Melaka (Batu Lane), dinamakan dengan "Masjid Melaka" selanjutnya dinamakan juga dengan "Masjid Keling" juga Masjid "Chulia". Masjid Melaka didirikan oleh pakatan orang Melaka, tukangnyanya juga berasal dari Melaka. Oleh itu semua pegawai masjid tersebut adalah ditangani oleh orang yang berasal dari Melaka. Ada juga tulisan yang menyatakan bahawa masjid pertama dipercayai telah dibina dan wujud di Kuala Lumpur sekitar tahun 1870-an di lokasi atau kawasan sekitar rumah atau gedung Messrs. Gian Singh di Jalan Mountbatten.<sup>95</sup> Namun demikian, tiada lagi kesan peninggalannya pada masa sekarang. Masjid Jamek di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang merupakan antara masjid binaan bata yang terawal dibina dan tercatat dalam sejarah Kuala Lumpur. Masjid ini dibina semasa pemerintahan Sultan Selangor, Sultan Sulaiman Shah Ibn Raja Muda Hasan (memerintah dari tahun 1898 hingga 1938).<sup>96</sup> Upacara pecah tanah Masjid Jamek telah dilakukan pada tanggal 23 Mac 1908 dan siap sepenuhnya dan dibuka secara rasmi pada 23 Disember 1909.<sup>97</sup> Pembinaan Masjid Jamek ini bolehlah dikatakan agak terlewat jika dibandingkan dengan kewujudan tokong dan gereja dalam bentuk binaan yang kukuh di akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20. Ini kerana Tokong Cina pertama yang dibina dengan binaan bata di Kuala Lumpur dibina pada tahun 1884<sup>98</sup> dan gereja pertama iaitu gereja St. Mary Church pula dibina pada tahun 1890.<sup>99</sup> Masjid binaan batu kedua pula yang dibina ialah Masjid Jamiul Ehsan di Pekan Setapak pada tahun 1933.

---

<sup>94</sup> M. A. Rauf (1964), *op. cit.*

<sup>95</sup> Hasnah bt. Hasan (1981), "Sejarah Kuala Lumpur", Disertasi peringkat Diploma yang tidak diterbitkan, Jabatan Kajian Kemasyarakatan, Johor Bharu: Maktab Perguruan Mohd. Khalid, h. 24.

<sup>96</sup> Gullick, J. M. (1998), *op. cit.*, h. 185.

<sup>97</sup> Rakhim Hj. Jaafar (1982), "Kuala Lumpur 'Jame' Mosque", Kertas Kajian di ARKIB, Jalan Duta Kuala Lumpur, h. 1 ; Lihat juga Gullick, J. M. (1994 ), *op. cit.*, h. 49.

<sup>98</sup> Gullick, J. M. (1988 ), *Kuala Lumpur 1880 -1895 A City In The Making*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h. 106.

<sup>99</sup> Gullick, J. M. (1994 ), *op. cit.*, h. 24.

Menurut Tuan Haji Abu Bakar bin Hussain yang merupakan penduduk asal pekan Setapak, menceritakan bahawa asal masjid ini adalah sebuah surau kecil yang wujud semenjak abad ke 19 lagi dan tanah masjid merupakan tanah wakaf. Pembinaan masjid binaan batu yang dimulakan pada tahun 1931 siap sepenuhnya pada tahun 1933. Pada masa kini masjid lama Jamiul Ehsan dalam proses pengubahsuaian oleh Perbadanan Muzium Negara.<sup>100</sup> Pada masa sekarang terdapat sebanyak 48 buah masjid di sekitar Kuala Lumpur. Di sekitar Kuala Lumpur juga terdapat banyak surau, khususnya surau-sarau di blok bangunan perumahan dan pusat membeli-belah. Surau yang diberi kebenaran oleh JAWI untuk mengadakan sembahyang Jumaat adalah sebanyak 44 buah surau sahaja. Surau-sarau ini juga turut aktif dalam memberikan kefahaman Islam kepada masyarakat Melayu sekitar Kuala Lumpur melalui kuliah-kuliah agama yang dijalankan.<sup>101</sup> Pada masa kini, dalam konteks masjid-masjid yang wujud di Kuala Lumpur, sebahagian daripada peranan masjid yang dikupas di atas, masih dijalankan. Kebanyakan masjid yang wujud di sekitar Kuala Lumpur dibina berserta dengan bangunan khas sekolah rendah agama di sebelahnya. Masjid-masjid di Kuala Lumpur juga, telah menyusun pengajian agama bagi orang dewasa melalui kuliah pengajian yang biasanya dilakukan selepas sembahyang berjemaah subuh dan maghrib meliputi pelbagai bidang agama seperti akidah, tafsir, hadis, tasawuf dan sebagainya. Terdapat juga masjid-masjid yang mengambil inisiatif tambahan dengan mengadakan kelas-kelas agama pada hujung minggu bagi golongan wanita dan golongan dewasa.<sup>102</sup> Hasil pemerhatian pengkaji, tradisi menadah kitab dan berguru di masjid jarang-jarang dipraktikkan dewasa ini di sekitar Kuala Lumpur. Kebanyakan jama'ah masjid sekadar mendengar kuliah agama yang diberikan oleh penceramah secara bersantai atau sekadar mendengar ringan sebelum masuknya waktu solat seterusnya seperti waktu solat Isyak. Mereka tidak mempunyai kitab rujukan atau tidak membawa sebarang alat tulis dan buku untuk catatan. Majoriti masjid dan surau juga tidak menyediakan sejumlah buku teks yang digunakan oleh penceramah sebagai rujukan kepada para jemaah. Hal yang demikian, amat dipersetujui oleh majoriti para imam masjid sekitar Kuala Lumpur yang ditemubual oleh pengkaji sebagai satu kelemahan yang harus diperbaiki pada masa hadapan.

## **Kesimpulan**

Sejak dari zaman sebelum merdeka serentak dengan perkembangan Islam, dapat dilihat banyak usaha-usaha dilakukan oleh masyarakat Melayu bagi memperkembangkan pendidikan Islam di Tanah Melayu termasuk di Kuala Lumpur. Walaupun perkembangan sistem pendidikan Islam di Kuala Lumpur

---

<sup>100</sup> Temubual dengan Tuan Haji Abu Bakar bin Hussain bin Haji Yusof, berusia 70 tahun di Masjid Pekan Setapak pada 18 Januari 2006 selepas solat Maghrib antara jam 7.45 – 8.15 pm. Beliau merupakan warga emas dan warga asal di pekan Setapak, di mana datuknya telah datang ke Kuala Lumpur dari Kepulauan Jawa pada tahun 1880an lagi.

<sup>101</sup> Temubual dengan Ustaz Hafizan bin Ibrahim, Penolong Pengarah Unit Kariah, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan di pejabatnya, Tingkat 3, Menara Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur pada 28 November 2005, jam 11.00 – 12.00 pm.

<sup>102</sup> Temubual dengan Ustaz Hafizan bin Ibrahim, *op. cit.*

tidak sepesat negeri-negeri di Tanah Melayu yang lain, namun terdapat usaha-uasah masyarakat Melayu dalam memperkembangkannya. Di samping cabaran sekularisasi pendidikan yang dianjurkan oleh pihak penjajah British, masyarakat Melayu di Kuala Lumpur terus mengekalkan kelangsungan pendidikan Islam sehingga selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pada zaman selepas kemerdekaan Tanah Melayu pula, dapat dilihat perkembangan yang positif terhadap sistem pendidikan Islam. Berlakunya sedemikian adalah lantaran daripada kesedaran para pemimpin dan ulama untuk melihat unsur dualisme dalam pendidikan yang turut menekan pendidikan Islam disamping pendidikan moden. Sejak dari dahulu hingga kini, pendidikan Islam ini telah diajar di institusi-institusi pendidikan formal dan non formal di Kuala Lumpur dengan menggunakan sistem dan kaedah masing-masing. Usaha yang lebih gigih, padu, tersusun dan sistematik amat diperlukan bagi menjamin kelangsungan dan kemantapan sistem pendidikan Islam ini di Kuala Lumpur.

### **Rujukan**

Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdullah Munshi (1963), *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Abu Zahari Abu Bakar (1980), *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Awang Had Salleh (1974), *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (2005), *Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA)*, Putrajaya: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Chandra Muzaffar (1988), *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, Adibah Amin (terj.), Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..

Dato' Shaari bin Abdul Rahman (Ketua Perangkaan dan Pesuruhjaya Banci, Malaysia) (2000), *Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2000: Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Datuk Hj. Zainal Abidin bin Hj. Abdul Kadir (1995), "Ke Arah Sistem Pendidikan Islam yang lengkap dan menyeluruh seluruh negara." Kertas kerja yang dibentang dalam *Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan*, anjuran JAKIM, di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru pada 20 -22 Januari 1995.

Fail *Religious Instruction for Malay Boys in English Schools*, Kuala Lumpur: Bahan Arkib, No. Rujukan Fail: Sel. Sec. Financial 64/1936.



- Fail *Suggestive Course of Instruction and Syllabus for English Schools in The Straits Settlements and Federated Malay States 1939*, Kuala Lumpur: Bahan Arkib, No. Rujukan Fail P/JP5/2.
- Federation of Malaya (1956), *Annual Report on Education for 1956*. Kuala Lumpur: Bahan Arkib P/JP3/8.
- Federation of Malaya (1957), *Report on the Committee to Consider Financial Aids to Non-government Islamic Religious Schools 1956*, Kuala Lumpur: Bahan Arkib P/JP3/9.
- Gullick, J. M. (1983), *The Story of Kuala Lumpur (1857-1939)*, Singapura: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd..
- Gullick, J. M. (1988 ), *Kuala Lumpur 1880 -1895: A City in the Making*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd..
- Gullick, J. M. (1994), *Old Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Gullick, J. M. (1998), *A History of Selangor (1766-1939)*, Petaling Jaya: Falcon Press Sdn. Bhd..
- Haji Buyong bin Adil (1971), *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Idris bin Haji Ibrahim (2004), *Pengurusan dan Pentadbiran SRA JAWI*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Hasnah bt. Hasan (1981), "Sejarah Kuala Lumpur", Disertasi Peringkat Diploma yang tidak diterbitkan, Johor Bharu: Jabatan Kajian Kemasyarakatan, Maktab Perguruan Mohd. Khalid.
- Hj. Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*, Petaling Jaya: Al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Hussin Haji Ahmad (1991), "Pendidikan di Malaysia: Satu Tinjauan Kronologi", dalam Mohd. Idris Jauzi (ed.), *Reformasi Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ibrahim Saad (1990), *Perubahan Pendidikan di Malaysia Satu Cabaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ab. Rahman (ed.) (1993), *Pendidikan Islam Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ismail Hamid (1988), *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (1980), *Majlis Taklimat Sempena Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Malaysia*, Kuala Lumpur: JAWI.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Ugama Islam Mengikut Shor2 Penyata Razak 1956, dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), *Falsafah Pendidikan Negara*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- "Lembaga Baru Jamin Mutu Pendidikan Islam", *Berita Harian*, 14 September 1983, 10.
- "Projek Islam dirancang Rapi", *Berita Harian*, 16 September 1985, 1.
- "Riwayat Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, Syaikhul Islam Selangor" (2004), dalam "Ruangan Agama", *Utusan Malaysia*, 22 Mac 2004, Seksyen 3, 9.
- Sidek Haji Fadhil (2005), "Islamization of the Malay World and Malaysia", dalam M. Kamal Hassan & Ghazali Basri (ed.), *Religions and Belief*, dalam Siri *The Encyclopedia of Malaysia*, Jil. 10, Singapura: Archipelago Press.
- Mahathir bin Mohammad (1984), *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran (7hb. November 1979)*, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (1988), *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Peet, George L. (1983), *A Journal in the Federal Capital*, Singapura: Times Books International.
- Rakhim Hj. Jaafar (1982), "Kuala Lumpur 'Jame' Mosque", *Kertas Kajian di ARKIB*, Jalan Duta Kuala Lumpur, 1-23.
- Sadka, Emily (1968), *The Protected Malay States 1874 – 1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Savumtharaj, G. (1991), *Sumber-sumber mengenai Kuala Lumpur di Arkib Negara Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan ARKIB.
- Seng, Philip Loh Fook (1969), *The Malay States 1877-1895 Political Change and Social Policy*, Singapura: Oxford University Press.
- Sobri Salamon (1988), *Falsafah Pendidikan Islam dan Dasar Pelajaran Malaysia*, cet. 2, Shah Alam: Arrahmaniah Hizbi.
- Stevenson, R. (1975), *Cultivators and Administrators: British Education Towards the Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sukatan Pelajaran Agama Islam Di Sekolah Inggeris Bahagian Menengah Bagi Kerajaan Negeri Persekutuan Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Bahan ARKIB, Surat Persendirian SP.19/10/9.
- Sukatan Pelajaran Agama Islam Di Sekolah-Sekolah Inggeris Bahagian Rendah Bagi Kerajaan Negeri Persekutuan Tanah Melayu Tahun Pertama dan Kedua*, Kuala Lumpur: Bahan ARKIB, Surat Persendirian SP.19/10/10.
- Suruhanjaya Pilihanraya (2004), *Daftar Pemilih Terkini Statistik Kaum* (Dikemaskini sehingga 31 Disember 2004), Putrajaya: Suruhanjaya Pilihanraya.
- The system of Education in The Federated Malay States* (1905), Special Reports on Education Subjects.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2004), "Haji Muhammad Nur Kadi Kerajaan Langkat", dalam *Utusan Malaysia*, 6 September 2004, 9.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2004), "Sultan Sulaiman Selangor Sultan yang Mengasihi Ulama" dalam *Utusan Malaysia*, 5 Julai 2004, 9.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2005), "Ulama Minangkabau Kadi Kuala Lumpur yang Pertama", dalam *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2005, 9.
- Yegar, Moshe (1979), *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*, Jerusalem: The Magnes Press.